

ADAB-ADAB MEMBACA AL-QURAN

Antara adab-adab membaca Al-Quran adalah berikut:

1. Membersihkan mulut sebelum membaca Al-Quran, dengan cara menggosok gigi, atau berkumur-kumur atau sebagainya. Jika terdapat najis darah di mulut, maka makruh membaca Al-Quran.
2. Bersih dari keadaan hadas besar. Dan disunatkan agar berada dalam keadaan wudhuk ketika membaca Al-Quran.
3. Memilih tempat yang bersih dan terhormat untuk membaca Al-Quran. Sebaik-baik tempat ialah masjid.
4. Disunatkan agar mengadap kiblat apabila membaca Al-Quran.
5. Tidak meletakkan Al-Quran di lantai atau berdekatan dengan tapak kakinya. Al-Quran juga tidak boleh diletakkan di hujung kaki jika seseorang itu duduk dengan melunjurkan kakinya.
6. Membaca *Ta'awwudz* (*a'udzubillah...*) sebelum membaca Al-Quran.
7. Membaca *Basmalah* (*bismillah...*) selepas membaca *Ta'awwudz*.
8. Memberikan tumpuan dalam membaca Al-Quran. Sekiranya dapat memahami maknanya, melalui tafsir

dan sebagainya, hendaklah si pembaca itu cuba menghayati maknanya sehingga menangis.

9. Membaca Al-Quran dengan tartil, iaitu dengan kelajuan yang sederhana dan menjaga segala hukum tajwidnya.
10. Berdoa kepada Allah s.w.t apabila tiba di ayat-ayat rahmat, dan memohon perlindungan dengan Allah s.w.t dan keampunan dari-Nya apabila tiba di ayat-ayat azab.
11. Menghormati mushaf Al-Quran. Jika disusun tinggi dengan kitab dan buku lain, mushaf mesti diletakkan di atas susunan tersebut. Jika ada kitab tafsir dan mushaf, kitab tafsir itu perlu diletakkan di bawah mushaf.
12. Membaca Al-Quran mengikuti susunan mushaf. Makruh membaca Al-Quran dari belakang ke hadapan, iaitu dengan susunan terbalik, samada dalam solat atau diluar solat.
13. Memperelokkan suara ketika membaca Al-Quran, sebagai penghormatan kepada *Kalamullah* (Kata-kata Allah).
14. Makruh membaca Al-Quran ketika kentut dan menguap.

WAKTU-WAKTU YANG BAIK UNTUK MEMBACA AL-QURAN

Waktu yang paling utama untuk membaca Al-Quran ialah ketika dalam solat. Dan memanjangkan *qiyam* (berdiri) kerana membaca surah-surah Al-Quran adalah lebih utama dari memanjangkan sujud.

Jika di luar solat, membaca Al-Quran pada waktu malam adalah lebih utama dari membaca pada waktu siang. Dan waktu-waktu yang paling utama untuk membaca Al-Quran pada waktu malam ialah seperti berikut:

1. Separuh malam yang terakhir
2. Antara Maghrib dan Isyak

Jika waktu siang, maka waktu yang paling utama untuk membaca Al-Quran ialah selepas solat Subuh.

Dalam seminggu, hari yang paling utama untuk membaca Al-Quran adalah hari Jumaat, Isnin, Khamis, hari Arafah, 10 hari terakhir bulan Ramadan dan 10 hari pertama bulan Zulhijjah.

Dalam setahun, bulan yang paling utama untuk membaca Al-Quran ialah bulan Ramadan.

ADAB MENGKHATAMKAN AL-QURAN

Waktu yang paling utama untuk mengkhhatamkan Al-Quran ialah ketika solat. Dan solat yang paling utama untuk mengkhhatamkan Al-Quran ialah ketika mengerjakan solat sunat *qabliyah* (sebelum) Subuh. Begitu ketika mengerjakan solat sunat *ba'diyah* (selepas) Maghrib. Akan tetapi solat sunat *qabliyah* Subuh adalah lebih utama dari solat sunat *ba'diyah* Maghrib. Dan dianjurkan bagi mereka yang ingin mengkhhatamkan Al-Quran dalam solat, agar berganti-ganti melakukannya pada waktu Subuh dan Maghrib.

Bagi mereka yang mengkhhatamkan Al-Quran di luar waktu solat, atau secara berjemaah, waktu yang lebih utama untuk mereka lakukannya adalah pada awal siang atau pada awal malam. Mengikut sebahagian ulama, mengkhhatamkan pada awal siang lebih utama dari awal malam.

Dianjurkan juga bagi mereka yang ingin mengkhhatamkan Al-Quran agar berpuasa pada hari tersebut, kecuali pada hari yang diharamkan berpuasa, seperti Hari Raya.

Umat Islam juga dianjurkan agar menghadiri majlis khatam agar bersama mendapat rahmat dan keberkatannya. Disunatkan juga agar berdoa pada akhir majlis kerana doa tersebut akan di-aminkan oleh empat ribu malaikat.

Dan apabila tiba pada ayat terakhir Al-Quran, disunatkan agar diteruskan pembacaan pada awal Al-Quran.

SEKELUMIT SEJARAH IMAM 'ASIM DAN DUA PERAWINYA

Qira-at (cara bacaan) Al-Quran yang paling masyhur di dunia ialah qira-at Hafs yang diambil dari gurunya Imam 'Asim. Disini saya bentangkan sedikit latarbelakang Imam 'Asim dan dua murid atau perawinya yang paling masyhur iaitu Hafs dan Syu'bah.

Imam 'Asim

Nama penuhnya ialah 'Asim bin Abi Najud dari bani Asad. Tiada periwayat yang tahu dengan sebenar tahun kelahirannya.

Imam 'Asim terkenal sebagai salah seorang imam qira-at tujuh Al-Quran. Beliau juga merupakan seorang tabi'in dan seorang periwayat hadis. Hadis-hadis riwayatnya banyak termuat di dalam kitab Musnad Imam Ahmad bin Hanbal.

Imam 'Asim mengambil bacaan Al-Quran dari gurunya Abu Abdul Rahman bin Habib bin Rabi'ah As-Sulami, seorang yang cacat penglihatan. Beliau juga mengambilnya dari Abu Maryam Zur bin Hubaish Al-Asadi, Abu Amrin Saad bin Ilyas Asy-Syaibani, Mus'ab bin Saad dan segolongan besar dari tabi'in.

KANDUNGAN JUZUK 2

Surah Al-Baqarah merupakan surah terpanjang di dalam Al-Quran. Ia bermula dari Juzuk 1 sehingga hampir separuh pertama Juzuk 3. Kebanyakan hukum yang terdapat dalam surah Al-Baqarah terkandung dalam Juzuk 2.

Kandungan surah Al-Baqarah dalam Juzuk 2 ini adalah mengikut urutan berikut:

1. Kisah dan hukum penukaran kiblat dari Masjid Al-Aqsa ke Kaabah. Dari ayat 142 hingga 152.
2. Amaran kepada Ahli Kitab yang menyembunyikan beberapa ayat dari kitab Taurat dan Injil daripada diketahui oleh manusia lain, terutama ayat-ayat yang membenarkan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. Dari ayat 159 hingga 162, dan dari ayat 174 hingga 176.
3. Pemberitahuan tentang keadaan ahli neraka, apabila mereka saling salah-menyalahkan antara satu sama lain. Dari ayat 166 hingga 167.
4. Hukum memakan yang halal dan baik (*toyyib*) dan larangan memakan beberapa perkara. Dari ayat 168 hingga 169, dan dari ayat 172 hingga 173.
5. Hukum qisas. Dari ayat 178 hingga 180.
6. Hukum wasiat kepada ahli keluarga yang telah dimansuhkan. Dari ayat 181 hingga 182.

7. Perihal berpuasa dalam bulan Ramadan. Dari ayat 183 hingga 187.
8. Perihal berperang di jalan Allah. Dari ayat 190 hingga 194, dan ayat 217.
9. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan ibadat haji. Dari ayat 196 hingga ayat 203.
10. Berkenaan sedekah dan infaq. Ayat 215
11. Hukum arak, judi dan anak yatim. Dari ayat 219 hingga 220.
12. Hukum menikahi wanita dan lelaki bukan Islam. Ayat 221.
13. Perkara-perkara bersangkutan dengan haid dan hubungan suami isteri. Ayat 221 hingga 222.
14. Hukum bersumpah dengan nama Allah. Dari ayat 224 hingga 225.
15. Hukum li'an. Dari ayat 226 hingga 227.
16. Hukum talak. Dari ayat 228 hingga 242.
17. Kisah Talut dan Jalut. Dari ayat 246 hingga ayat 252.

SURAH AL-BAQARAH

(Lembu Betina)

Surah Kedua

Mengandungi 286 ayat

Diturunkan di Madinah

سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَّيْتَهُمْ عَن قِبَلَتِهِمْ

الَّتِي كَانُوا عَلَيْهَا قُلِ اللَّهُ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي

مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٤٢﴾

(142) Orang-orang bodoh akan berkata: "Apa sebabnya yang menjadikan orang-orang Islam berpaling dari kiblat yang mereka mengadapnya selama ini?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Timur dan barat adalah kepunyaan Allah, Allah yang memberikan petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang lurus". ¹⁴²

Ayat 142: Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dan Ibn Jarir dari Ibn Abbas r.a: Setelah 17 bulan Rasulullah s.a.w berada di Madinah, arah kiblat ditukar dari Baitul Maqdis ke Kaabah pada bulan Rejab. Ketika itu segolongan orang Yahudi datang berjumpa Rasulullah s.a.w dan bertanya: "Wahai Muhammad! Apa yang menyebabkan engkau berpaling dari kiblat yang engkau mengadapnya selama ini, sedangkan engkau mengaku bahawa engkau ikut ugama Nabi Ibrahim a.s? Baliklah kembali kepada kiblat engkau sebelum ini nescaya kami akan ikut engkau dan kami akan membenarkan engkau." Mereka sebenarnya ingin menimbulkan fitnah. Maka Allah s.w.t turunkan ayat ini sehingga lafaz *illa lina'lama man yattabi'ur rasula mimman yanqalibu 'ala 'aqibaih*.

سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَّهُمْ

Memalingkan Mereka Apa Manusia Daripada Orang-orang bodoh Akan berkata

عَنْ قِبَلَتِهِمُ الَّتِي كَانُوا عَلَيْهَا

Atasnya Adalah mereka Yang Kiblat mereka Daripada

قُلْ لِلَّهِ الْمَشْرِقُ وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي

Dia beri petunjuk Dan barat Timur Untuk Allah Katakanlah

مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Lurus Jalan Kepada Dia kehendaki Siapa

Dan diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim dan lain-lain, dari Al-Barra' bin 'Azib r.a: Ketika Rasulullah s.a.w tiba di Madinah, baginda s.a.w menetap di rumah pakcik-pakcik sebelah ibunya dari kaum Ansar. Dan baginda s.a.w solat mengadap Baitul Maqdis selama 17 bulan sedangkan baginda s.a.w teringin sangat untuk mengadap Baitul Haram. Solat pertama yang baginda s.a.w kerjakan dengan mengadap Baitul Haram ialah solat Asar, bersama dengan segolongan orang. Setelah itu salah seorang dari mereka berjalan ditepi sebuah masjid ketika jemaah masjid itu sedang ruku' mengerjakan solat Asar. Maka orang itu menyeru dengan lantang: "Aku naik saksi bahawa sesungguhnya aku telah mengerjakan solat bersama Rasulullah s.a.w dengan mengadap Kaabah!" Maka jemaah yang sedang ruku' itu terus berpusing dan mengadap Kaabah dalam keadaan ruku'.

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى
النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا
الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ
مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ ۗ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى
الَّذِينَ هَدَىٰ اللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ ۗ

إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤٣﴾

(143) Dan demikianlah Kami jadikan kamu umat pertengahan agar kamu menjadi saksi kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad s.a.w) pula menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Dan Kami tidak jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (Baitul Maqdis) melainkan untuk Kami mengetahui siapakah yang mengikut Rasul dan siapa pula yang berpaling tadah (balik kepada kekufuran). Dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah hidayah. Dan Allah tidak akan mensia-siakan iman kamu. Sesungguhnya Allah Maha Penyantun lagi Maha Penyayang kepada manusia. ¹⁴³

Ayat 143: Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dan lain-lain, dari Al-Barra' bin 'Azib r.a: Apabila kiblat ditukar mengadap Kaabah, segolongan orang Islam tertanya-tanya tentang keadaan mereka yang mati sebelum

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا

Untuk kamu jadi Pertengahan Umat Kami jadikan kamu Dan begitulah

شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ

Rasul Dan adalah Manusia Atas Saksi-saksi

عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ

Kiblat Kami jadikan Dan tidak Saksi Atas kamu

الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ

Untuk Kami mengetahui Kecuali Atasnya Adalah engkau Yang

مَنْ يَتَّبِعِ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ

Kembali Daripada siapa Rasul Ikut Siapa

عَلَىٰ عَقْبِهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً

Benar-benar besar Adalah Dan sesungguhnya Belakanganya Atas

إِلَّا عَلَىٰ الَّذِينَ هَدَىٰ اللَّهُ

Allah Beri petunjuk Yang Atas Kecuali

ditukar kiblat. Maka turunlah penghujung ayat 143, iaitu (Dan Allah tidak akan mensia-siakan iman kamu...)

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ

Iman kamu Benar-benar sia-siakan Allah Adalah Dan tidak

إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرءُوفٌ رَحِيمٌ

Penyayang Benar-benar penyantun Dengan manusia Allah Sesungguhnya

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ صَلِّ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً

تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ج

وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ق ه

الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لِيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ق ه

وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾

(144) Sesungguhnya Kami melihat engkau (wahai Muhammad), berulang-ulang mendongak ke langit, maka Kami palingkan engkau ke atas kiblat yang engkau sukai. Oleh itu palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram; dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang yang telah diberikan kitab